

PROSIDING

Seminar **POLITIK MALAYSIA**

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

BUDAYA POLITIK DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-12: KAJIAN KES PARLIMEN DUNGUN (P39)

Che Hamdan Che Mohd Razali

Ahmad Faiz Yaakob

Wan Rohila Ganti Wan Abd Ghafar

ABSTRAK

Kajian tentang orientasi politik pengundi di Malaysia dalam pilihan raya umum bukanlah sesuatu yang baru. Ini kerana kajian ini boleh menjadi penanda aras kepada sesebuah parti politik untuk mengukur tahap populariti mereka, dan hasil kajian ini boleh digunakan untuk membuat analisa bagi menghadapi pilihan raya seterusnya. Isu-isu semasa dan keperluan setempat menjadi bahan kempen utama parti-parti politik untuk meraih undi. Oleh itu, kajian ini cuba melihat budaya politik pengundi di Parliment Dungun (P39), Terengganu. Kerusi Parliment ini menyaksikan pertandingan dua penjuru dalam pilihan raya yang lalu antara calon Barisan Nasional dan Parti Keadilan Rakyat. Tumpuan diberikan kepada pengenalpastian isu-isu utama semasa kempen pilihan raya dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi untuk membuat pilihan pada hari pilihan raya.

PENGENALAN POLITIK TERENGGANU

Negeri Terengganu yang mempunyai jumlah penduduk seramai 974,171 merupakan salah satu negeri yang digelar sebagai *Malay belt state* dengan peratusan penduduknya yang terdiri daripada 92 peratus Melayu, 7 peratus Cina dan 1 peratus India dan lain-lain. memperlihatkan persaingan politik kepartian tertumpu kepada pertarungan antara dua parti utama Melayu iaitu PAS dan UMNO. Oleh itu, budaya politiknya sangat berkait rapat dengan kepercayaan, emosi dan nilai-nilai keislaman. Selain itu, kadar kemiskinan yang tinggi di negeri ini juga menjadikan isu pembangunan dan bantuan daripada kerajaan sebagai propaganda utama dalam kempen pilihan raya.

Pertembungan PAS dan UMNO dalam politik Terengganu ini menjadikan antara isu utamanya berlingkar tentang agama Islam. Masing-masing cuba menonjolkan imej keislaman dengan cuba untuk menyatakan mereka lebih islamik berbanding parti lawan. Ini dibuktikan dengan kehadiran Perdana Menteri sebelum dan semasa kempen pilihan raya, isu Islam progresif diberikan penekanan.

“....Terengganu is a showcase of Islam. The leadership is dynamic. Many new things have been introduced and the people can expect more new ideas and developments to be implemented in Terengganu....to ensure that this becomes a reality, there must be continuity. The success achieved also proves that the feeling of inferiority and weaknesses among Malays are not natural. People can change given the right tools and opportunities,” Abdullah said when opening Multaqa Agamawan at Wisma Seri Iman yesterday. (NST, 2 Mac 2008)

Sejarah kekalahan BN di Terengganu pada pilihan raya umum ke-10 1999 telah menyaksikan peralihan kuasa Melayu daripada UMNO kepada PAS. Apa yang berlaku di Dungun yang menyaksikan kehilangan sokongan Melayu yang paling tinggi iaitu sebanyak 15%, kemudian diikuti dengan Kemaman-14.6%, Kuala Nerus-13.6%, Marang-11.2% Hulu Terengganu- 10.7% dan Setiu-9.7% Pada tahun 1955, sokongan pengudi Hulu Terengganu terhadap BN adalah amat besar-18.5% (Gomes 2007: 84).

Kesan daripada itu, ada yang mengandaikan kemenangan PAS ini akan menjadikan Terengganu terus berada di bawah pemerintahan parti ini seperti apa yang berlaku di Kelantan. Namun, Gelombang Biru yang dicanang oleh UMNO dengan pimpinan baru Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi di peringkat pusat telah meranapkan kerajaan PAS yang hanya mampu bertahan sepenggal di negeri ini.

POLITIK PARLIMEN DUNGUN (P39)

Bagi Parlimen Dungun pula, kejayaan Mustafa Ali yang menewaskan Datuk Aziz Ibrahim dari UMNO dengan majoriti sebanyak 8118 pada 1999 telah bertukar kerusi Parlimennya apabila Datuk Rosli Mat Hassan berjaya mengalahkan Pesuruhjaya PAS Terengganu itu dengan majoriti 4896. Kejayaan UMNO dan kekalahan PAS daripada selepas menguasai Parlimen ini selama empat tahun dengan majoriti yang besar pada tahun 1999 telah menunjukkan satu suasana politik yang menarik telah berlaku di Dungun.

Manakala, dalam pilihan raya umum ke 12 yang lalu, PAS telah memberi laluan kepada Parti Keadilan Rakyat yang meletakkan Ketua Angkatan Mudanya iaitu Shamsul Iskandar @ Yusri Mohd Akin untuk berdepan dengan Matulidi Jusoh dari BN yang juga merupakan muka baru di Dungun. Percaturan ini ternyata memihak kepada calon BN yang memenangi kerusi Parlimen Dungun dengan majoriti sebanyak 4994.

Parlimen Dungun mempunyai empat Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Paka, Sura, Bukit Besi dan Rantau Abang. Kesemua Tiga DUN dimenangi oleh BN iaitu Paka, Bukit Besi dan Rantau Abang. Manakala DUN Sura dimenangi oleh PAS (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri bagi Parlimen Dungun (P39)

DUN	Pemenang (2008)	Majoriti	Penyandang (2004)
Paka (N28)	Haji Mohd Ariffin (BN)	344	Haji Mohd Ariffin (BN)
Sura (N27)	Ustaz Wan Hasan Mohd Ramli (PAS)	1000	Kamal Abdullah (BN)
Bukit Besi (N25)	Dato' Haji Din Adam (BN)	2492	Dato' Haji Din Adam (BN)
Rantau Abang (N26)	Datuk Haji Za'abar Mohd Adib (BN)	790	Datuk Haji Za'abar Mohd Adib (BN)

Kemenangan PAS di DUN Sura yang menjadi kubu kuat parti tersebut telah dijangka oleh pengundi kawasan tersebut. Ustaz Wan Hassan Mohd Ramli pernah menjadi ADUN kawasan tersebut pilihan raya 1999.

Berdasarkan perkembangan politik di Parlimen Dungun ini, kertas kerja ini akan menganalisa budaya politik di Dungun berasaskan kajian yang dilakukan selepas Parlimen dibubarkan pada 13 Februari 2008 dan sepanjang kempen pilihan raya iaitu bermula daripada hari penamaan calon pada 24 Februari 2008 sehingga hari pilihan raya pada 8 Mac 2008. Perbincangan dilakukan berdasarkan maklumat kualitatif menerusi pemerhatian, turut serta dan temubual. Selain itu, data kuantitatif juga diperolehi melalui soalselidik yang dikembalikan menerusi 412 responden. Tumpuan diberikan kepada empat isu utama iaitu Islam Hadhari, wang ehsan, pembangunan dan kepimpinan.

ISLAM HADHARI

Perlaksanaan agenda Islam Hadhari di Negeri Terengganu lebih ke hadapan berbanding dengan negeri-negeri lain. Islam Hadhari¹ yang telah dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri Malaysia Dato Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi ketika perhimpunan Agong UMNO ke 55 pada 23 September 2004 telah dijadikan program rasmi kerajaan sejak awal Jan 2005. Kerajaan Terengganu bersungguh-sungguh dalam melaksanakan agenda Islam Hadhari. Ini terbukti dalam janji Manifesto ketika Pilihanraya ke 11 Tahun 2004 iaitu Islam Hadhari Terengganu Bistari. Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Idris Jusuh turut menulis buku *Islam Hadhari: Agenda Kepimpinan*. Buku ini juga boleh dikategorikan sebagai buku panduan asas untuk memahami Konsep Islam Hadhari yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Terengganu.

Berdasarkan soal selidik, ternyata konsep Islam Hadhari yang diaplikasikan oleh kerajaan negeri yang sebelum ini dipimpin oleh Dato' Seri Idris Jusuh memberikan kesan kepada penduduk dan pengundi di Dungun. Ini dapat dilihat menerusi maklumbalas yang diterima dengan 70.5 peratus bersetuju bahawa pemerintahan kerajaan Terengganu adalah berdasarkan prinsip-prinsip Islam Hadhari. Selain itu, berdasarkan data ini juga didapati 14 peratus daripadanya ialah ahli PAS yang mewakili 55 peratus jumlah responden ahli PAS. Ini menunjukkan walaupun PAS tidak menerima Islam Hadhari tetapi prinsip-prinsip Islam Hadhari yang digariskan oleh kerajaan pusat telah diaplikasikan sepenuhnya oleh kerajaan negeri seperti pembinaan masjid-masjid baru, program khatam Al-Quran kalangan kanak-kanak dan juga program Islam Hadhari di kawasan Parlimen dan institusi-institusi kerajaan.

Strategi kerajaan pusat yang menubuhkan unit bagi melaksanakan nilai-nilai Islam Hadhari di Terengganu dengan slogan ‘Islam Hahdari Terengganu Bistari’ mempunyai matlamat untuk mengatasi masalah penggunaan Islam bagi sesetengah pihak untuk tujuan menyemai benih kebencian antara satu sama lain (Chong 2006). Kes-kes yang melibatkan label-label seperti masjid PAS dan masjid UMNO walaupun keduanya berdekatan dan juga pemulauan program tahlil, kenduri kahwin telah memecah belahan masyarakat. Pemerhatian dan temubual di DUN Sura, Parlimen Dungun, kewujudan Masjid Sura Lama dan Masjid Sura yang berdekatan dan masing-masing dilabelkan sebagai masjid PAS dan UMNO telah menimbulkan ketidak selesaan bagi golongan apolitikal.²

**Jadual 2: Kerajaan Terengganu Hari Ini Memerintah Berdasarkan
Prinsip-prinsip Islam Hadhari**

	N	Peratus
Setuju	291	70.5
Tidak Setuju	36	8.7
Tidak Pasti	85	20.6
Jumlah	412	100

WANG EHSAN

Perkataan wang ehsan telah menjadi buah mulut selepas PAS menguasai DUN Terengganu pada pilihanraya umum ke-10, 1999. Ia menjadi satu isu apabila kerajaan pusat melalui Jabatan Pembangunan Pusat (JPP) telah merampas duit royalti petroleum yang sepatutnya menjadi milik kerajaan Terengganu, tanpa mengira parti yang memerintah. Sebagai rekod, sejak tahun 1978, kerajaan Terengganu telah menerima sebanyak 5 peratus royalti daripada Petronas, dan pemberian royalti ini telah berjalan lancer, dan pembayaran royalty tersebut tidak pernah tertangguh. Pada tahun 1978, Terengganu telah menerima RM13.2 juta dan pada tahun 1999, tahun terakhir Terengganu menerima royalty tersebut, ianya melonjak kepada RM498.7 juta.³ Selepas itu, kerajaan pusat telah mengambil alih pengurusan duit royalti dan menukarannya kepada wang ehsan, dengan alasan, meragui kemampuan PAS Terengganu untuk mengurus-tadbir wang tersebut.

Wang ehsan dikatakan adalah untuk diagih-agihkan kepada golongan miskin, dan daripada pemerhatian penulis, jumlah yang diberi adalah sebanyak RM300, namun kekerapan pemberian adalah berubah-ubah. Wang ehsan telah menjadi isu hangat di Terengganu apabila tidak semua golongan miskin berpeluang mendapat wang tersebut. Golongan yang menyokong pembangkang adalah dikatakan tidak tersenarai untuk menerima wang tersebut, dan ketidak-adilan dalam pembahagian ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk miskin. Wang ehsan juga telah menjadi salah satu isu pilihanraya bilamana rakyat terpengaruh dengan permainan politik wang ini.

Apa yang berlaku di Parlimen Dungun, wang ehsan sememangnya menjadi salah alat berkempen bagi pilihan raya umum kali ini. Berdasarkan kerja lapangan, beberapa pekerja parti sama ada dari UMNO dan juga PAS, pengagihan wang ehsan merupakan isu penting. Menurut, seorang pengurus markaz pilihan raya di Batu Tiong, Dungun, wang ehsan diberikan kepada golongan miskin yang cenderung menyokong UMNO dan golongan di ‘atas pagar’. Penerima wang ehsan dikenakan syarat supaya meletakkan bendera UMNO seminggu sebelum parlimen dibubarkan. Bendera diagihkan ke setiap rumah penerima. Mereka dijanjikan dengan pemberian wang ehsan bagi tahun berikutnya. Manakala bagi yang gagal berbuat demikian, mereka tidak akan tersenarai sebagai penerima untuk tahun berikutnya.

Namun begitu, menurut beliau lagi, tidak ramai yang menaikan bendera tersebut dengan alasan sekiranya berlaku kematian rumah mereka tidak akan dikunjungi oleh penyokong dan ahli PAS

yang rata-rata mempunyai pengetahuan agama. Ia akan menyukarkan mereka bagi urusan pengurusan jenazah dan tahlil. Beliau sendiri mengakui tidak mampu untuk meletakkan bendera di rumahnya atas alasan yang sama. Tetapi kebanyakan penerima wang ehsan berjanji akan memberikan undi kepada BN.⁴

Selain itu, berdasarkan maklum balas responden, 43 peratus ahli UMNO bersetuju bahawa wang ehsan hanya diagihkan kepada penyokong BN manakala selebihnya tidak bersetuju. Bagi ahli PAS dan PKR pula, 62 peratus bersetuju bahawa ahli dan penyokong parti mereka telah dinafikan wang ehsan. Hasil daripada pemerhatian dan temubual dengan pekerja parti UMNO dan PAS di DUN Bukit Besi dan Rantau Abang, mereka mengakui bahawa pengagihan wang ehsan diberikan kepada penyokong UMNO dan golongan ‘atas pagar’. Ketika berada di sebuah markas UMNO Bukit Besi, seorang petugas parti mengeluarkan senarai penerima wang ehsan dan menanda nama-nama yang berkempen untuk PAS supaya mereka dikeluarkan daripada penerima wang ehsan.⁵

Namun begitu, berdasarkan soal selidik yang diedarkan (sila rujuk Jadual 1), 47 peratus (n=193) tidak bersetuju bahawa wang ehsan dijadikan umpan politik di mana ianya melibatkan ahli UMNO (n=186) dan PKR (n=7) yang menyatakan pendirian tersebut. Manakala 39 peratus (n=162) bersetuju dengan ahli UMNO dan PAS masing-masing seramai 76 dan 72. Tidak seorang pun ahli PAS yang menafikan pandangan bahawa wang ehsan ini dijadikan umpan politik.

Jadual 3: Wang Ehsan Adalah Umpan Politik Semata-mata

	N	Peratus
Setuju	162	39
Tidak Setuju	194	47
Tidak Pasti	56	13.6
Jumlah	412	100

PEMBANGUNAN

Proses pembangunan merupakan komponen utama dalam politik nasional terutamanya bagi parti-parti politik yang bersaing untuk memenangi hati pengundi dalam pilihan raya (Mohd Fuad 2005). Melihat kepada proses pembangunan di negeri Terengganu, memang jelas selama 4 tahun BN di bawah kerajaan yang dipimpin oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Idris Jusoh telah membangunkan Terengganu dari segi fizikal. Hal ini diiktiraf sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Badawi terhadap kerajaan pimpinan Idris Jusoh dengan pelbagai pembangunan fizikal dan infrastruktur. Menurut Perdana Menteri lagi, banyak projek yang sebelum ini tidak pernah diimpikan tetapi kini telah menjadi realiti (Berita Harian, 2 Mac 2008).

Isu Pembangunan menjadi agenda utama kempen pilihan raya Barisan Nasional di Terengganu. Komitmen yang ditunjukkan oleh Pemimpin UMNO di peringkat pusat yang mana Perdana Menteri dan Timbalannya bergilir datang ke Terengganu untuk berkempen dengan melancarkan beberapa

projek pembangunan seperti pembinaan UiTM di Bukit Besi, Dungun dan pembinaan Taman Tamadun Islam memberi kelebihan kepada UMNO. Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak umpamanya mahu pengundi membuat perbandingan di antara tempoh pemerintahan PAS dari tahun 1999 hingga 2004 dan pemerintahan BN selepas merampas kembali negeri tersebut pada 2004. Kepesatan pembangunan di Terengganu perlu dijadikan ukuran bagi pengundi untuk membuat pilihan (NST, 20 Februari 2008: 1).

Bagi daerah Dungun, kewujudannya yang berhampiran dengan kawasan perindustrian petroleum dan juga menjadi kawasan yang mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi seperti UiTM dan Politeknik berjaya meningkatkan taraf hidup penduduknya. Namun begitu masih terdapat golongan yang dikategorikan sebagai miskin. Dari segi sosio-ekonomi ini, Parlimen Dungun merupakan Daerah kedua terbesar di Terengganu dan mempunyai jumlah rakyat miskin seramai 2,458.

Berdasarkan Statistik Profil Rakyat Miskin Terengganu, di bawah Parlimen Dungun, dua DUN yang sebahagian besar daripadanya kawasan luar bandar iaitu Bukit Besi dan Rantau Abang masing-masing mempunyai 767 dan 707 bilangan rakyat miskin. Manakala dua DUN lagi iaitu Sura dan Paka masing-masing mempunyai bilangan yang jauh berbeza dengan kedua-dua DUN tadi iaitu masing-masing iaitu 460 dan 524 orang rakyat miskin (Rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Statistik Profil Rakyat Miskin Terengganu bagi Parlimen Dungun

DUN	Produktif		Non Produktif		Jumlah Keseluruhan
	Miskin Tegar	Miskin	> 60 Tahun	Cacat	
Bukit Besi	172	314	423	30	767
Rantau Abang	141	244	442	21	707
Sura	75	135	297	28	460
Paka	128	230	277	17	524
Jumlah Keseluruhan	516	923	1,439	96	2,458

http://prm.terengganu.gov.my/prm/prm1.php?p=1&kod_par=39

Hasil daripada soal selidik, 65 peratus bersetuju Parlimen Dungun lebih membangun selepas tahun 2004 (Jadual 4) dan 59 peratus bersetuju hanya Barisan Nasional sahaja yang mampu membawa perubahan kepada negeri Terengganu (Jadual 5).

Jadual 5: Parlimen Dungun Lebih Membangun Selepas Tahun 2004

	N	Peratus
Setuju	267	64.6
Tidak Setuju	74	18
Tidak Pasti	71	17
Jumlah	412	100

Jadual 6: Hanya Barisan Nasional Sahaja yang Mampu Membawa Pembangunan kepada Negeri Terengganu

	N	Peratus
Setuju	244	59
Tidak Setuju	119	29
Tidak Pasti	48	12
Jumlah	412	100

Pengalaman pemerintahan Barisan Nasional sejak merdeka telah membentuk kepercayaan di kalangan masyarakat tentang pembangunan yang dinikmati. Politik pembangunan telah mencorakkan budaya politik dengan pemikiran masyarakat bahawa pembangunan fizikal menjadi penentu kepada pemilihan pemimpin dalam pilihan raya.

KEPIMPINAN DAN PENTADBIRAN

Konflik dalam UMNO dan masalah pembahagian kerusi antara PAS dan PKR menjadi salah satu isu sebelum penamaan calon bagi pilihan raya di Terengganu umumnya dan Dungun khususnya. Pengumuman rasmi oleh Idris Jusoh pada 24 Februari 2008, empat hari sebelum penamaan calon dibuat telah mengejutkan banyak pihak di mana 14 daripada 40 calon yang dikemukakan adalah muka baru.⁶ Seramai 11 daripada muka baru tersebut akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala tiga lagi muka baru akan bertanding di kerusi Parlimen. Beberapa muka baru seperti yang dijanjikan menjadi kenyataan. Calon BN yang paling menonjol ialah Senator Nordiana Shafie, Ketua Puteri Umno Terengganu. Beliau dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri apabila 10 bahagian dari Terengganu mencapai ahli teramai di peringkat kebangsaan dan tempat teratas dari segi keahlian; 1,562 pada 2004 kepada 6,239 pada awal tahun 2007 atau peningkatan sebanyak 300%.

Datuk Dr Ramzi Mohamad Zubir yang merupakan anak bekas Timbalan Mufti antara satu-satu calon yang mempunyai ijazah kedoktoran dilihat bakal mengulangi kemenangan Datuk Abdul

Rahman yang sebelum ini pernah menewaskan Abdul Hadi Awang. Begitu juga pendatang baru Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar, anak kepada bekas Menteri Besar Terengganu dan beberapa lagi muka-muka yang dianggap sebagai generasi kedua politik Terengganu (Siasah, 2-6 Mac 2008).

Di sebalik perasaan girang di wajah-wajah muda, terpalit juga perasaan hampa dan kecewa di satu pihak yang lain terutamanya 16 muka lama yang digugurkan. Kejutan amat dirasai apabila beberapa tokoh yang berwibawa dan mempunyai pengaruh tersendiri digugurkan. Datuk Abdul Rahman Bakar, bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia yang juga dikenali *giant killer* kerana sebelum ini pernah mengalahkan Dato' Seri Abdul Hadi Awang disingkirkan. Datuk Rosli Mat Hassan, Ketua UMNO Bahagian Dungun yang merupakan ‘orang lama’ UMNO turut mengalami nasib yang sama. Seterusnya, Datuk Tengku Putera Tengku Awang bekas Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Penggerusi UMNO Negeri dan pernah memegang kerusi Majlis Tertinggi turut digugurkan. Begitu juga Dr Abdul Latif yang sudah empat penggal menjadi wakil rakyat di Bukit Payung dan Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh yang juga bekas Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dilihat sebagai dua calon yang berpotensi besar untuk menjadi menteri besar turut diketepikan.

Sebaik sahaja pengumuman dibuat, penyokong-penyokong terutamanya dari Marang dan Air Kecil berkumpul sehari di rumah Idris meminta agar ketua-ketua mereka disenaraikan semula. Lebih teruk dari itu, ada yang mengancam membakar bendera dan berkumpul mengelilingi Bangunan Wisma Darul Iman. Senario sebegini merupakan suatu kelaziman dan memandangkan faktor calon lebih utama berbanding parti (Berita Harian, 23/2/2008).

Walaubagaimanapun, mengikut sesetengah pendapat, tindakan mengenepikan empat ketua bahagian adalah tidak wajar dan pada masa yang sama menyenaraikan semula beberapa calon yang dianggap kontroversi (Siasah, 2-6 Mac 2008). Ada juga pihak tertentu yang menjadikan ia sebagai sandaran bahawa BN akan kalah pada PRU-12 ini. Misi sapu bersih BN Terengganu akan menjadi sia-sia seperti mana yang pernah berlaku sebelum ini. Ada yang menjangka undi popular BN bakal jatuh dari 56% ke 48%, sebaliknya PAS melonjak dari 46% kepada 52%.

Keadaan yang tidak selesa ini menimbulkan kerisauan bukan sahaja UMNO negeri malah di peringkat pusat juga. Perdana Menteri sendiri turut menasihati agar menghentikan semua bentuk perbalahan manakala timbalannya pula memberi amaran supaya dihentikan tindakan mensabotaj parti atau ‘cah keting’ yang begitu popular di kalangan pemimpin Terengganu. Mengetahui kesan dan akibat pengumuman yang dibuat, tindakan Idris Jusoh dilihat bijak mengatur strategi apabila berdepan dengan para penyokong yang ekstrim. Pengumuman awal yang dibuat berbanding negeri-negeri lain adalah dengan niat suasana yang panas akan kembali reda. Langkah seterusnya ialah memohon maaf dan turun ke akar umbi bagi tujuan menjustifikasi pilihan yang dibuat olehnya.

Di Dungun, pertembungan PKR dan BN dalam pilihan raya peringkat Parlimen ini menyaksikan kedua-dua calon merupakan muka baru. Secara kebetulan, strategi parti yang meletakkan muka baru ini telah menimbulkan kontroversi dan rasa tidak puas hati di kalangan ahli parti. Calon BN, Matulidi Jusoh yang dipilih untuk menggantikan penyandang kerusi Parlimen tersebut, Dato' Rosli Mat Hassan telah menimbulkan protes di kalangan penyokong UMNO dengan alasan Dato' Rosli mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan masyarakat Dungun.

Bagi calon PKR pula, Shamsul Iskandar Mat Akin⁷ yang merupakan Ketua AMK PKR, pilihan pimpinan PAS untuk memberi laluan kepada PKR untuk bertanding di keusi tradisi PAS ini mendapat tentangan daripada segelintir ahli PAS. Antara alasan yang diberikan ialah beliau merupakan calon dari luar Terengganu dan PKR tidak mempunyai jentera parti yang kuat di Dungun. Konflik dalam kedua-dua parti ini menjadikan kempen pilihan raya di Dungun mempunyai isu tambahan untuk dimainkan oleh jentera mereka.

Dari segi kepimpinan dan pentadbiran, pentadbiran di bawah pemerintahan PAS dari 1999 hingga 2004 dan BN dari 2004 hingga 2008 menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kemenangan pilihan raya serta keputusan bagi Parlimen Dungun. Berdasarkan temubual dengan para pengundi dan aktivis kedua-dua parti, UMNO dan PAS, mereka mengakui peluang yang diperolehi PAS pada sesi parlimen ke-10 gagal dimanfaatkan. PAS dilihat tidak mampu membuktikan kemampuan mentadbir negeri tersebut dan dilihat tidak bersedia untuk memerintah negeri yang kaya dengan minyak itu. Kedua-dua pihak bersetuju walaupun tekanan yang dihadapi PAS daripada kerajaan pusat seperti penafian royalti minyak tetapi PAS perlu bersedia menghadapi perkara tersebut.

Bagi aktivis PAS, disebabkan tiadanya pengalaman dan sumber yang terhad akibat tekanan daripada kerajaan pusat ia telah memberikan kesan yang besar kepada pemerintahan PAS pada masa tersebut. Namun, mereka mempersoalkan kegagalan PAS untuk memainkan isu tersebut dan pemimpin PAS perlu bersedia menerima tekanan tersebut dengan mengambil iktibar atas apapun yang pernah dilalui oleh PAS Kelantan. Selain itu, beberapa aktivis parti di DUN Rantau Abang⁸ melahirkan rasa tidak puas hati terhadap sikap pemimpin mereka yang pernah menjawat jawatan ADUN kerana gagal menunjukkan prestasi sebenar yang dinginkan parti seperti menjadi pemimpin untuk semua bukan hanya kepada pengikut PAS. Antara bukti yang dikemukakan ialah sikap taksub kepada parti menyebabkan pemimpin tersebut tidak mudah untuk menerima pandangan daripada golongan neutral apatah lagi dari mereka yang berpengalaman tetapi berlainan fahaman.

Natijahnya, apabila individu ini menjadi calon pada pilihan raya yang lalu, ia bukan sahaja memberi kelebihan kepada BN tetapi melemahkan moral jentera parti sehingga ada yang tidak menjenguk langsung ke markaz parti. Namun begitu, apa yang berlaku di DUN Sura melangkau batas politik kepartian. Ketokohan calon DUN tersebut dan juga perbandingan yang dilihat berdasarkan khidmat beliau semasa menjadi ADUN pada sesi 1999-2004 dengan penyandang ADUN 2004-2008 telah memihak kepada calon PAS. Ustaz Wan Hassan⁹ yang dilihat dekat dengan masyarakat tanpa mengira fahaman politik dan juga kelebihan ilmu agamanya berjaya mencuri undi daripada parti lawan. Hasil soal selidik juga menunjukkan 55 peratus pengundi DUN Sura mahukan penyandang ADUN kawasan tersebut ditukar. Keputusan pilihan raya telah menunjukkan bagaimana ia diterjemahkan dalam bentuk undi.

KESIMPULAN

Isu-isu pembangunan, rekod pemerintahan 2004-2008 dan pengagihan wang ehsan memberikan kelebihan kepada UMNO kerana ianya merupakan perbezaan yang jelas dari segi perbandingan antara kedua-dua parti yang telah diberi peluang oleh rakyat untuk memerintah. Hasil daripada keputusan pilihan raya, secara statistiknya dapat disimpulkan bahawa pengundi PAS kekal mengundi parti tersebut dan satu DUN iaitu Sura telah Berjaya ditawan kembali oleh PAS. Ini seiring dengan

apa yang berlaku di peringkat negeri di mana terdapat penambahan dari segi sokongan yang membawa kepada pertambahan empat kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen. Undi BN merosot namun pertambahan pengundi dan peratus keluar mengundi yang tinggi berjaya mengekalkan pemerintahan mereka.

NOTA AKHIR

- ¹ Islam Hadhari adalah suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam ia juga dianggap sebagai satu usaha mengembalikan umat Islam kepada perkara-perkara asas¹. Bagi menjayakan matlamat tersebut kerajaan menggariskan 10 prinsip asas yang dianggap sesuai dilaksanakan dalam konteks Malaysia (JAKIM 2005:9-18)
- ² Kajian lapangan 13 Februari-7 Mac 2008 di Parlimen Dungun.
- ³ Wan Nik Wan Yusoff Demokrasi Rakyat Terengganu Menolak Parti Islam, 34.
- ⁴ Kajian lapangan 13 Februari-7 Mac 2008 di Parlimen Dungun
- ⁵ Kajian lapangan 13 Februari-7 Mac 2008 di Parlimen Dungun.
- ⁶ Calon baru yang lain bagi DUN ialah Ketua Pemuda UMNO Marang, Razali Idris yang bakal berhadapan dengan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Rhu Rendang manakala anak bekas Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad iaitu Wan Abdul Hakim akan bertanding di DUN Air Putih. Idris pula kekal bertanding di DUN Jertih manakala dua ADUN berpindah ke kerusi Parlimen iaitu bekas Exco kerajaan negeri yang juga ADUN Permaisuri, Datuk Mohd. Jidin Shafee (Setiu) dan ADUN Bukit Tunggal, Datuk Nasir Ibrahim Fikri (Kuala Nerus). Mohd. Jidin menggantikan Mohd. Yusop Majid manakala Nasir menggantikan Che Azmi A Rahman. Muka baru yang turut tersenarai bertanding di DUN ialah Radilah Abd. Wahab (Kemasik), Mohd. Rosli Harun (Sura), Zaidi Muda (Bukit Payung), Othman Awang (Wakaf Mempelam), Ahmad Razif Abdul Rahman (Seberang Takir), Abdul Halim Jusoh (Permaisuri), Dr Abdul Rahman Mokhtar (Kuala Besut) dan Tuan Arif Sahibu Fadilah Tuan Ahmad (Bukit Tunggal). Tiga muka baru bagi kerusi Parlimen pula ialah Setiausaha Politik Menteri Besar, Dato' Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir (Marang), Mohd Nor Othman (Hulu Terengganu) dan Matulidi Jusoh (Dungun).
- ⁷ Pada pilihan raya ke 11 2004 yang lalu, beliau bertanding di P136 Tangga Batu, Melaka tetapi tewas kepada Idris Haron dari BN dengan majoriti 19244
- ⁸ Hasil tinjauan di Kg Paya Kemudi, Bukit Merah dan Betong, Padang Pulut. Kunjungan ke markas parti-parti yang bertanding dilakukan pada waktu malam dari pukul 9.00pm hingga 3.00am.
- ⁹ Beliau seringkali menjadi khatib solat Jumaat di Masjid Lama Sura. Pada 29 Februari 2008, dalam khutbah Jumaat beliau memberi penekanan terhadap tanggungjawab dan kredibiliti calon pilihan raya dan menyeru masyarakat menolak calon yang tidak pernah ‘naik ke mimbar Jumaat’.

RUJUKAN

- Adakah faktor Anwar penentu kemenangan BA? dalam *Harakah*, 1-15 .(April 2008). m.s 43.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2006). The UMNO –PAS Struggle: Analysis of PAS’s Defeat in 2004. Dalam *Malaysia: Recent Trends and Challenges* (eds.). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Almond, G. A & Powell, G. B (1972). *Comparative Politics: A Developmental Approach*. New Delhi
- Azman Anuar. Orang Umno, Orang Pas. *Utusan Malaysia*. 23 Februari 2008 (m.s 11)
- Chong, Terence (2006). *The Emerging Politics of Islamic Hadhari*. Dalam *Malaysia: Recent Trends and Challenges* (eds.). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Data Asas 2005, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu

- Dzulkifli Ahmad, A Political Tsunami dalam *Harakah*, 1-15 April 2008, m.s 16
- Gomes, E.T, (2007). *Politics in Malaysia: The Malay Dimension* (eds.). London: Routledge.
- Hamid Salleh. 4 Polis Cedera Rusuhan di Kuala Terengganu. *Berita Harian*. 10 September 2007
- Mahajan V.D, (1988). *Political Theory: Principles of Political Science*. New Delhi: S. Chand & Company Ltd
- Mohd Ali Kamarudin & Jamaie Hamil (2005). Budaya Politik : Perspektif Kepimpinan Melayu daripada Transisi ke Kontemporari...Dalam *Tinjauan Baru Politik Malaysia* (eds.). Bangi : UKM
- Mohd fuad Mat Jali 2005 *Pembangunan dan Pilihan Politik* dlm Politik dan Keselamatan disunting oleh Sity Daud dan Zarina Othman. Penerbit UKM
- Mohd. Fuad Mat Jali dan Sabihah Osman. 2002. Politik Wilayah dan Politik Nasional dalam Pilihan raya umum 1999 dlm. *Poitik Baru dalam Pilihan Raya Umum* disunting oleh Mohd. Yusof Kasim dan Azlan Ahmad Penerbit UKM.
- Nor Aziah Jaafar. Di Sebalik Percaturan BN Di Terengganu. *Rencana*. Utusan Malaysia. 23 Februari 2008 (m.s 11)
- Nor Aziah Jaafar. Dua nama besar digugur. *Berita Harian*. 21/2/2008
- Nor Aziah Jaafar. Kempen saat akhir selamatkan Terengganu. *Berita Harian*. 10/03/2008
- Pertembungan Generasi Kedua Politik Terengganu. *Siasah*. 2-6 Mac 2008 (m.s 34)
- Rakyat Terengganu Masih Ingat. *Siasah*. 23-29 Mac 2008
- Rakyat Terengganu Perlukan MB Baru. *Siasah* .23-29 Mac 2008
- Rosli Zakaria. Emotions Run High As List Is Unveiled. NST. 21. Februari 2008 (m.s 8)
- Suhana Roslan. Terengganu Pecah Tradisi Letak Calon Wanita. *Rencana*. Berita Harian. 19 Februari 2008 (m.s 9)
- Zulkofli Jamaludin dan Hanneeyyah Bariah Baharin. BN Terengganu Optimis Tawan